

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)58

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

58. Apakah langkah-langkah khusus yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memantau dan menyelia kawasan penempatan kediaman pekerja warga asing yang terlalu padat di Bukit Tengah untuk mengelak penyebaran wabak COVID-19 berlaku secara kluster?

JAWAPAN OLEH Y.A.B KETUA MENTERI

58. Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan menyelia kawasan berkenaan untuk mengelak penyebaran wabak COVID-19 berlaku secara kluster. Dianggarkan jumlah warganegara asing di dalam Kawasan Bukit Tengah adalah seramai 10,000 orang di mana lokasi utama adalah di kawasan Taman Pelangi, Kawasan Juru dengan kawasan Permatang Tinggi.

Pihak PDRM terutamanya IPD Seberang Perai Tengah (IPD SPT) telah mengenalpasti dan melakukan pemantauan di kediaman-kediaman dan asrama-asrama yang diduduki oleh pekerja-pekerja

warganegara asing di Bukit Tengah secara berterusan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pemantauan secara berterusan juga dilaksanakan secara rondaan berkala di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti secara kekerapan rondaan lima (5) kali sehari oleh unit MPV, URB dan RCJ Balai Polis Bukit Tengah bagi mengawal warganegara asing ini berkumpul dan bergerak tanpa sebab yang munasabah sepanjang tempoh PKP ini. Dengan pemantauan berterusan ini, pergerakan pekerja warga asing ini semua adalah terhad dan penyebaran sebarang bentuk wabak juga adalah terkawal.

Pihak PDRM juga telah menjalinkan kerjasama dengan pihak pengurusan kilang yang menyelia asrama pekerja-pekerja warganegara asing ini supaya membantu pihak PDRM memantau dan mengawal pekerja-pekerja warganegara asing ini supaya mematuhi PKP. Pihak PDRM juga telah mengarahkan penyelia-penyelia asrama supaya memastikan penempatan yang diduduki oleh warganegara asing mengikuti langkah-langkah pencegahan

penularan wabak COVID-19 dengan betul sepertimana saranan daripada KKM.

Dari segi menyampaikan hebahan yang lebih praktikal kepada warganegara asing ini, pihak PDRM telah mencadangkan dan mengarahkan kepada Jabatan Penerangan Daerah supaya melakukan hebahan siaraya menggunakan Bahasa tempatan utama warganegara asing ini supaya kelompok ini lebih memahami arahan berkaitan langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 dan tindakan yang boleh diambil oleh pihak berkuasa jika ingkar arahan.

Dari aspek penguatkuasaan di bawah peraturan dan undang-undang, bermula 18/3/2020 sehingga 5/4/2020 seramai 26 orang warganegara asing dari pelbagai negara telah ditangkap kerana melanggar Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit.